

# Kerajaan tiada kaitan dengan Tribunal Jenayah Perang KL

Um - 9/2/2007

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Kerajaan tidak mahu dikaitkan dengan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang diwujudkan pada hari terakhir Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Peperangan - Jenayahkan Perang di sini semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, penubuhan tribunal tersebut adalah usaha satu kumpulan bebas yang tidak ada kaitan dengan kerajaan.

Menurutnya, penubuhan itu juga tidak akan merenggangkan hubungan antara Amerika Syarikat (AS) dengan Malaysia dan negara-negara lain yang nama pemimpinnya turut dituduh dalam tribunal itu.

"Tribunal itu adalah inisiatif mereka (kumpulan bebas). Justeru, biarlah mereka melaksanakannya kerana ia tiada kaitan dengan kerajaan," kata Syed Hamid pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian sumbangan kerajaan AS kepada Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Memerangi Keganasan (SEAR-CCT) di sini hari ini.

Semalam, Persidangan Antarabangsa Dedahkan Jenayah Peperangan - Jenayahkan Perang bersetuju menubuhkan suruhanjaya bagi mendengar keterangan mangsa-mangsa perang untuk dibawa ke Tribunal Jenayah Perang jika tuduhan perlu dibuat terhadap pelaku jenayah itu.

Suruhanjaya diketuai oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad manakala tribunal itu dianggotai oleh sembilan pakar perundangan dengan dipengerusikan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia, Datuk Abdul Kadir Sulaiman.

Presiden AS, George W. Bush; Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard akan menjadi pemimpin yang dituduh di tribunal itu kerana melakukan jenayah ke atas kemanusiaan.